



## Pemahaman komuniti Penan tentang makna keperkasaan dalam Program Penempatan Semula (PPS) di Daerah Belaga, Sarawak

Novel Lyndon<sup>1</sup>, Er AC<sup>1</sup>, S Selvadurai<sup>1</sup>, Mimi Hanida AM<sup>1</sup>, Zaidah Mustapha<sup>1</sup>, Eshah Mohamed<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Novel Lyndon (email: novellyndon@gmail.com)

### Abstrak

Keperluan komuniti tempatan seringkali diabaikan di peringkat dasar makro dan adalah amat penting untuk melibatkan pandangan dunia mereka dalam program pembangunan komuniti secara holistik dan bersepada. Pandangan dunia komuniti lokal menyediakan maklumat yang mencukupi tentang keperluan dan aspirasi komuniti ini dalam program pembangunan. Hal ini kerana mereka adalah merupakan kumpulan sasaran pembangunan dan kumpulan pelaksana pembangunan. Sehubungan dengan itu, objektif utama kajian ini ialah untuk memahami pandangan dunia komuniti Penan tentang makna pemerkasaan dalam program penempatan semula, Belaga, Sarawak. Kajian ini menggunakan paradigma penyelidikan fenomenologi dan strategi penyelidikan abduktif. Paradigma ini menumpukan pada pengalaman kehidupan komuniti Penan yang dibentuk oleh nilai mereka sendiri dan pengalaman hidup sehari-hari. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam yang dijalankan dengan 50 orang peserta program penempatan semula di kawasan Sungai Asap dan Sungai Koyan, Belaga. Pemahaman mereka tentang makna pemerkasaan telah dianalisa daripada tema-tema yang terbit daripada pengetahuan, pengalaman, dunia harian, tafsiran, tindakan dan reaksi dari pandangan dunia mereka. Dapatkan kajian menunjukkan pemahaman komuniti Penan tentang makna pemerkasaan merujuk pada pemerkasaan dalaman dan luaran. Dengan erti kata lain ia merangkumi proses di mana seseorang individu atau sebuah kumpulan boleh menggunakan kebolehan, kemahiran dan keupayaan untuk memajukan dalaman dan luaran diri dan komuniti mereka sendiri. Aspek pemerkasaan adalah penunjuk utama yang perlu ditangani oleh pembuat dasar apabila merangka pelan baru yang komprehensif untuk menangani pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti luar bandar. Kajian akan datang harus mengutarakan impak pengetahuan tempatan, keperluan khusus tempatan dan pandangan dunia lokal dalam memastikan pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

**Katakunci:** fenomenologi, komuniti luar bandar, komuniti Penan, pandangan dunia, pembangunan komuniti, pemerkasaan

## Penan community's understanding of the meaning of empowerment in the Resettlement Program (PPS) of Belaga District, Sarawak

### Abstract

The local community's needs are often ignored at the macro-level policy-making process thus jeopardising the goal of holistic and integrated community development. Yet, their world view provides information about the needs and aspirations of members of the local community necessary in a particular development programme as they are both the recipients and the implementers of the development effort. This article seeks to decipher the Penan community's world view on the meaning of empowerment in a resettlement scheme programme of Belaga, Sarawak by means of a phenomenology research paradigm and an abductive research strategy. The paradigm focuses on Penan

community's livelihood and living experience as shaped by the values they adhered to. Data were collected through indepth interviews with 50 participants in the resettlement scheme programme of Sungai Asap and Sungai Koyan, Belaga. The community's understanding of the meaning of empowerment was analysed by means of themes generated from their world view with regard to their knowledge, experiences, daily routines, interpretations, actions and reactions. The findings indicate that the Penan community's understanding of the meaning of empowerment can be referred to both internal and external empowerment whereby a person or a group utilizes its talent, skills and capacity for inner and external improvement. The findings reiterate the point that empowerment is a key indicator of progress that policy makers should address in formulating new comprehensive plans to overcome various issues and problems faced by the rural communities. Future studies should explore the impact of local knowledge, specific local needs of the community, and local world view in ensuring that planned development programmes are able achieve their desired targets.

**Keywords:** community development, empowerment, Penan community, phenomenology, rural community, worldview

## Pengenalan

Kajian yang dijalankan oleh Simvised *et al.*, (2008), Rashidpour *et al.*, (2010) menunjukkan bahawa pembangunan komuniti merupakan satu campur tangan berstruktur yang memberikan komuniti pengawalan yang lebih ke atas keadaan yang mempengaruhi hidup mereka. Walaubagaimanapun, hal ini tidak menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh komuniti tempatan khususnya komuniti peribumi dan natif serta orang asal (Novel *et al.*, 2011; Theodoropoulou & Kaldis, 2008; Samah *et al.*, 2011). Kajian-kajian lepas turut secara jelas menunjukkan bahawa ketidakberkesanan sesuatu program pembangunan komuniti dalam mempertingkatkan kualiti hidup komuniti pribumi di Malaysia dan Sarawak adalah sering dikaitkan dengan sikap perancang yang gagal memahami keperluan dan aspirasi komuniti tersebut dari pandangan dunia mereka sendiri (Novel *et al.*, 2011; Rashidpour *et al.*, 2010; Samah *et al.*, 2011). Pandangan dunia kumpulan peringkat makro lebih banyak ditekankan dan diberi perhatian berbanding pandangan kumpulan sasaran. Tambahan pula, pelaksanaan objektif sesebuah program pembangunan lazimnya menekankan dua perkara: Pertamanya, pada struktur makro di mana idea-idea dan pemahaman perancang atau agensi adalah dibina dan digagaskan oleh pandangan dunia saintifik dan keduanya, terdapat kecenderungan untuk menggunakan teori pemodenan Rostow tanpa mengambilkira kepentingan pandangan dunia, sistem sosial dan budaya masyarakat itu sendiri (Novel *et al.*, 2011; Rahman & Naoroze, 2007; Hoque & Itohara, 2009). Keadaan ini telah menyebabkan kepada kekurangan dan pengabaian pemahaman dan pengetahuan tentang keperluan masyarakat lokal. Sedangkan pada hakikatnya yang menjadi peserta dalam program pembangunan tersebut adalah komuniti lokal.

Di samping itu, keperluan dan kemahuan adalah dua konsep berbeza. Keperluan merujuk kepada kategori khusus matlamat sejagat yang relevan kepada semua manusia demi untuk hidup. Sementara itu, kemahuan atau keinginan adalah berasal dari sesuatu yang di gemari oleh persekitaran individu dan budaya (Lavers, 2008). Kedua-dua pihak adalah dikatakan mempunyai persepsi berbeza, bukan sahaja dari segi pendekatan, tetapi juga dari segi pemahaman konsep kemiskinan itu sendiri (Ahmed *et al.*, 2011; Simvised *et al.*, 2008). Para perancang program sering menggunakan pendekatan yang lebih simbolik berbanding dengan pendekatan integratif dan holistik. Ia adalah berdasarkan pemerhatian dengan pengehadan kajian dalam aspek proses dan arah perubahan (Theodoropoulou & Kaldis, 2008; D'Silva *et al.*, 2010). Sebaliknya, penerima rancangan pembangunan adalah dikatakan telah menggunakan pendekatan berdasarkan pengalaman, keperluan dan aspirasi peribadi yang telah dibentuk oleh pandangan dunia mereka sendiri (struktur peringkat mikro). Walaupun begitu, sebenarnya masing-masing mempunyai matlamat yang sama untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup (Simvised *et al.*, 2008). Matlamat ini merupakan penggerak utama untuk menjalankan kajian ini. Sebahagian besa para penyelidik juga menyatakan bahawa kegagalan rancangan-rancangan pembangunan telah turut dikaitkan dengan beberapa aspek seperti penekanan terhadap pendekatan dari atas ke bawah,

yang telah membawa kepada pemerintahan kuasa tanpa penyertaan yang mencukupi dari ahli-ahli masyarakat (Rahman & Naoroze, 2007; Chegini, 2010), pemahaman yang terhad tentang keperluan dan aspirasi penerima rancangan (Hoque & Itohara, 2009; Simvised *et al.*, 2008), struktur pentadbiran yang lemah (Ahmed *et al.*, 2011), pemahaman yang cetek dan sempit tentang konsepsi dan pengukuran kemiskinan (D'Silva *et al.*, 2010), pemunggiran pengetahuan, kepercayaan dan sistem sosial kumpulan sasaran (Samah *et al.*, 2011; Mok *et al.*, 2007) dan akhir sekali, aspek penyertaan dan keperkasaan orang ramai (Hoque & Itohara, 2009; Rahman & Naoroze, 2007; Chegini, 2010). Perkara ini adalah merupakan jurang teoretikal yang ingin diterokai dalam kajian ini.

Secara umumnya, penyertaan mengalihkan kuasa pembangunan luar bandar daripada pandangan dari atas ke bawah para perancang kepada peranan aktif komuniti luar bandar dalam pelbagai peringkat perancangan, pelaksanaan dan pengawasan program-program luar bandar. Penyertaan juga membolehkan peserta-peserta luar bandar untuk menentukan matlamat dan tindakan untuk meningkatkan penguasaan yang lebih terhadap keadaan mereka. Penyertaan turut memastikan bahawa ia bukan hanya sebagai satu cara untuk proses pembangunan tetapi sebagai satu tujuan untuk memastikan pembangunan mampan luar bandar dalam jangka panjang.

Sebaliknya, pemerkasaan melibatkan hasil penyertaan untuk komuniti luar bandar dalam usaha-usaha pembinaan keupayaan untuk pembangunan kendiri atau kejayaan kumpulan. Keperkasaan di sini menzhahirkan potensi manusia dengan meningkatkan kesedaran komuniti luar bandar tentang kesedaran diri mereka yang seterusnya membolehkan mereka untuk melihat kewujudan diri mereka dalam konteks sosial. Oleh itu, melalui keperkasaan individu dan kumpulan, adalah diharapkan proses transformasi ini akan meresap ke dalam masyarakat luar bandar pada amnya. Berdasarkan sokongan konsepsi ini, objektif kajian ini adalah untuk memahami pandangan dunia komuniti Penan tentang makna keperkasaan dalam program penempatan semula dari pandangan dunia mereka sendiri.


### **Pemerihalan komuniti Penan dan kawasan petempatan**

Komuniti Penan adalah sebahagian daripada kumpulan Dayak di Sarawak dan Brunei (Sercombe, 2008:183). Penduduk Penan pada tahun 2010 dianggarkan 16,281 orang dan kebanyakannya iaitu 77 peratus sudah mempunyai petempatan tetap (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Selebihnya iaitu 20 peratus adalah separa-nomad dan 3 peratus pula masih lagi menjalani kehidupan sebagai nomad. Komuniti Penan mendiami kawasan tanah tinggi perhutanan tropika yang sukar diakses dan kebanyakannya tempat tinggal mereka terletak antara lembangan sungai. Komuniti Penan di Sarawak boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu Penan Barat dan Penan Timur (Rajah 1). Penan Timur meliputi kawasan Baram, Limbang dan Tutoh. Ketiga-tiga kawasan ini merupakan kawasan petempatan utama komuniti Penan di Sarawak. Jumlah penduduk Penan yang tinggal di ketiga-tiga kawasan ini dianggarkan sebanyak 11,155 orang dan meliputi dua per tiga jumlah keseluruhan penduduk komuniti Penan di Sarawak (Pejabat Residen Miri, 2008). Seterusnya, tumpuan utama petempatan komuniti Penan di sekitar Miri adalah di kawasan Tutoh dan Magoh di Daerah Baram (Pustaka Negeri Sarawak, 2009). Bagi kategori Penan Barat pula kawasan petempatan mereka ialah di sekitar Bintulu dan Belaga (Pejabat Residen Miri, 2008). Menurut Pejabat Residen Miri (2008) terdapat sebanyak 121 petempatan Penan yang merentasi kawasan Baram (Penan Timur) ke Belaga (Penan Barat). Lebih daripada 50 peratus penempatan mereka adalah merupakan penempatan semula akibat daripada pembinaan empangan Bakun dan Murun pada tahun 1987. Kira-kira 12000 orang penduduk yang daripada 15 buah rumah panjang di kawasan Hulu Balui diarahkan untuk berpindah ke kawasan Sg. Asap dan Sg. Koyan untuk memberi lalui kepada projek mega iaitu Projek Hidro-Elektrik Bakun. Projek Hidro-Elektrik ini akan menenggelamkan kawasan kawasan seluas 69,640 hektar dan mempunyai kawasan tadahan seluas 1.5 juta hektar, sementara kawasan takungan pula seluas 69,640 hektar. Pelaksanaan Projek Hidro-Elektrik Bakun dan Projek Hidro-Elektrik Murum di Daerah Belaga melayakkan Daerah Belaga mendapat gelaran "*The Heart of Sarawak Development*". Pemindahan penduduk daripada 15 buah rumah panjang tersebut telah membawa kepada pewujudan satu Daerah Kecil

yang dikenali sebagai Daerah Kecil Asap pada 30 Disember 1999 (Pejabat Daerah Belaga, 2011). (sila lihat Rajah 1 dan 2).



Rajah 1. Lokasi Daerah Belaga, Sarawak



Sumber: Pejabat Daerah Belaga, Bintulu, Sarawak

Rajah 2. Lokasi penempatan semula komuniti Penan Sungai Asap dan Sungai Koyan

## Metodologi penyelidikan

Kerangka kajian menggunakan pendekatan fenomenologi untuk memahami pandangan dunia komuniti Penan tentang diri dan kelompok mereka. Pendekatan ini menggunakan perspektif idealis, *existentialist* dan *social constructiuonist*. Dalam melihat pandangan dunia bukan sahaja terhad kepada bagaimana ahli komuniti melihat dan mendefinisikan diri mereka dahulu dan sekarang, tetapi juga tentang orang lain atau orang luar selain dari kelompok mereka. Pandangan dunia tentang kelompok komuniti Penan dan perubahannya akan mencorakkan transformasi persekitaran fizikal kepada landskap yang membayangkan perubahan pandangan tersebut. Kajian ini menggunakan strategi penyelidikan abduktif memandangkan pandangan dunia adalah satu konstruksi oleh aktor sosial. Justeru itu, penyelidik perlu memasuki dunia

aktor sosial dalam usaha untuk menemui persepsi mereka tentang pandangan dunia dan alasan yang mengiringi persepsi tersebut. Realiti pemahaman mereka tentang pandangan dunia, cara bagaimana mereka mengkonstruksikan realiti dunia dan kehidupan dan penginterpretasian mereka adalah tertanam dalam bahasa harian aktor sosial iaitu bahasa komuniti Penan itu sendiri. Tanggungjawab utama penyelidik kemudiannya untuk memerihalkan semula pemahaman mereka tentang pandangan dunia dalam bahasa teknikal iaitu melalui perbincangan secara saintifik. Dalam masa yang sama, aktor sosial akan bersama-sama dengan penyelidik untuk merundingkan makna tentang sesuatu tindakan dan interaksi terhadap dunia dan kehidupan mereka. Hal ini kerana idea asas tentang abduktif merujuk kepada proses yang digunakan untuk menghasilkan penceritaan saintifik sosial daripada penceritaan aktor sosial dengan menggunakan bahasa, makna, interpretasi, motif dan niat yang digunakan oleh aktor sosial untuk memandu tingkah laku serta kehidupan harian mereka. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan fenomenologi menggunakan logik abduktif berdasarkan ontologi idealis dan epistemologi konstruksionis.



**Rajah 3.** Kawasan penempatan semula (a) Sungai Koyan Fasa 1 dan (b) Sungai Asap Fasa 1

Kajian ini telah dijalankan di Daerah Belaga iaitu kawasan Penan Barat dan merupakan kawasan penempatan semula komuniti Penan. Kawasan petempatan Penan Barat dipilih dalam kajian ini disebabkan kawasan ini merupakan kawasan petempatan semula yang terbesar di Daerah Belaga yang terdiri daripada kawasan penempatan semula Sungai Asap dan Sungai Koyan. Lokasi petempatan terpilih bagi penempatan semula di Daerah Belaga ialah kawasan penempatan semula penempatan Sungai Asap Fasa 1 dan Fasa 2 dan Sungai Koyan Fasa 1 dan 2 (sila lihat rajah 2). Sejumlah 50 orang informan telah terlibat dalam kajian ini dengan setiap petempatan menyumbang 25 informan. Teknik persampelan non-probabiliti yang terdiri daripada persampelan kuota, persampelan bertujuan dan persampelan teoritikal telah dipilih. Saiz tentang sampel kajian ini dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepuan data. Data dalam kajian ini telah dikutip dengan menggunakan teknik temubual mendalam dan perbincangan kumpulan secara informal. Data telah dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan informan selama tempoh enam bulan, memberi fokus terhadap persepsi diri, kehidupan dan pengalaman informan dan dinyatakan dengan kata-kata mereka sendiri mengenai cara mereka memahami konsep penyertaan dan keperkasaan dalam pembangunan masyarakat (Panahi dan Malekmohammadi, 2010; Firouzjaie *et al.*, 2007; Ahmed *et al.*, 2011; Mok *et al.*, 2007). Setiap temubual berlangsung selama satu hingga dua jam, bergantung kepada keadaan. Temubual ditranskripsikan dan digunakan untuk mewujudkan kategori dan mengindeks atau mengkodkan dokumen, mengisahkan data untuk mengesan pola dan menjana tipologi. Pernyataan dari informan telah dikenal pasti untuk kejelasan. Walaubagaimanapun, maksud asal telah dikekalkan. Sekali lagi, setelah kategori dan sub-kategori telah

dibangunkan, setiap transkripsi kemudiannya telah dikaji semula beberapa kali untuk kejelasan. Temubual dengan semua informan telah dijalankan di dalam bahasa Bidayuh dan kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.

Pendekatan interpretif dan strategi penyelidikan abduktif telah dipilih untuk diadaptasikan dalam kajian ini. Hal ini kerana pendekatan interpretif dan strategi penyelidikan abduktif melihat realiti sosial secara sosialnya dikonstruksikan oleh aktor sosial. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik perlu memahami atau mengenggam secara sosial dunia yang telah diinterpretasikan dalam usaha untuk memahami pandangan dunia aktor sosial. Bertitik tolak daripada itu, pengetahuan saintifik haruslah diperolehi daripada pengetahuan, pengalaman, interpretasi, tindakan dan reaksi aktor sosial dalam dunia aktor sosial itu sendiri. Menurut strategi penyelidikan abduktif, apabila penyelidik memasuki dunia kehidupan aktor sosial untuk mengenggam pengetahuan aktor sosial, realiti sosial sesungguhnya telah dikonstruksikan secara bersama oleh penyelidik dan aktor sosial melalui satu siri dialog atau penceritaan. Justeru itu, dengan menggunakan metodologi ini, tema dan kategori pandangan dunia komuniti Penan menurut pandangan mereka sendiri akan diterokai dan difahami oleh penyelidik.

Walau bagaimanapun, penggunaan logik yang digunakan oleh penyelidik untuk mencipta atau mengkonstruksi kategori pandangan dunia komuniti Penan haruslah selari dengan logik yang telah digunakan oleh aktor sosial untuk mencipta tipifikasi dalam kehidupan harian mereka. Dalam usaha untuk menjelaskan dengan lebih lanjut perkara ini, logik dan proses pembentukan konstruk aktor sosial dan pandangan dunia oleh aktor sosial dan saintis sosial telah diperolehi hasil daripada ulasan penyelidik terhadap prinsip dan teoritikal yang terkandung dalam tiga tradisi utama tentang pembentukan jenis ideal iaitu oleh Weber yang menyatakan bahawa jenis ideal adalah merupakan satu penciptaan saintis sosial. Tradisi yang kedua berdasarkan hujah dan idea teoritikal Schutz. Seterusnya, tradisi yang ketiga berasaskan hujah dan pendapat yang diperolehi daripada Winch, Giddens, Rex dan Douglas, yang berhujah bahawa saintis sosial perlu bermula dengan tipifikasi harian, tetapi boleh menggunakan konsep teknikal yang sudah sedia ada wujud (seperti dalam model Apostel) untuk membantu mereka dalam mengkonstruksi jenis ideal. Dalam kajian ini, data akan dikutip dengan menggunakan temubual mendalam. Temubual mendalam dalam kajian ini melibatkan perbualan antara dua belah pihak iaitu antara penyelidik dan informan dengan satu tujuan khusus iaitu untuk memahami kualiti hidup daripada pandangan dunia komuniti Penan. Temubual antara penyelidik dan responden ini memberi fokus tentang pandangan dunia, kehidupan harian, persepsi mereka tentang kehidupan dan pemahaman orang Penan tentang dunia dan kehidupan daripada perkataan mereka sendiri.

### *Penganalisisan data*

Analisis data kualitatif telah dijalankan berdasarkan naratif yang diperolehi daripada temubual mendalam yang membezakan focus terhadap perbezaan di antara lelaki dan perempuan di dalam pencapaian pendidikan. Nota lapangan tambahan daripada pemerhatian tanpa serta telah turut diperolehi. Satu urutan aktiviti telah dijalankan sewaktu analisis seperti berikut: (i) Data telah ditranskripsikan daripada temubual setiap informan yang telah direkodkan, ditulis dalam Bahasa Bidayuh, bahasa natif peserta yang dikaji; (ii) Temubual yang direkodkan telah disemak semula dan diteliti sekurang-kurangnya dua kali sebelum ia ditranskripsikan; (iii) Setiap transkrip telah disemak/dikaji semula beberapa kali dan disusun semula untuk memberikan penerangan ringkas tentang kategori perbezaan lelaki dan perempuan dalam pencapaian pendidikan; (iv) Proses pembersihan data melibatkan membuat pembetulan yang perlu; (v) Transkrip kemudiannya telah dijemahkan ke dalam Bahasa Inggeris bagi memperjelaskan dan mengurangkan pengaruh bias penyelidik; (vi) Melibatkan pengurusan data dengan membangunkan kategori ke dalam sebuah jadual matriks, menjadualkan dapatan kajian kepada cara yang lebih teratur; (vii) Menggunakan tema yang dihasilkan dari analisa perbandingan berterusan; (viii) Petikan khusus telah dijadualkan mengikut nombor baris yang muncul dalam skrip.

## Pemahaman komuniti Penan tentang pemerkasaan

Kebanyakan daripada informan bersetuju bahawa pemerkasaan dalam pembangunan komuniti merujuk kepada satu proses apabila seseorang individu atau komuniti tersebut berada dalam fasa di mana mereka mampu menggunakan kemahiran, kebolehan dan keupayaan mereka sendiri. Di samping itu, ia juga melibatkan kuasa untuk memahami, mentafsir masalah dan kemudiannya mentakrifkan keperluan dan menterjemahkan keperluan ini kepada satu takrifan tindakan tersebut melalui penyertaan dalam organisasi itu sendiri. Pendek kata, pemerkasaan yang difahami oleh majoriti informan dalam kajian ini mempunyai hubungan dengan perkataan kuasa. Dengan erti kata lain ia merujuk kepada satu usaha untuk mendapatkan lebih kawalan terhadap kehidupan mereka sama ada secara sendiri atau melalui bantuan orang lain. Majoriti informan dalam kajian ini juga mengiktiraf komponen utama yang mungkin termasuk dalam kuasa individu terdiri daripada untuk mendapat lebih banyak kawalan dalam menentukan kehidupan mereka dan kuasa untuk menghasilkan idea atau idea-idea yang boleh dikongsi dengan pengamal dalam program pembangunan komuniti. Berikut adalah merupakan pandangan salah seorang daripada informan tentang perkara tersebut.

“Saya telah terlibat dengan program tersebut selama dua tahun (Adi, Ketua Keluarga, 55 tahun). Apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah bukan kerana saya marah dengan pihak kerajaan. Saya hanya berfikir bahawa apa yang Jabatan Pertanian seharusnya lakukan ialah untuk melibatkan kami apabila mereka merekabentuk sesebuah program atau projek yang sesuai untuk pembangunan kami. Saya mempunyai banyak idea dan pendapat. Tetapi agensi kerajaan tidak pernah memberikan ruang yang seluas-luasnya untuk kami. Kami dianggap lemah, tidak kreatif dan tidak berpengetahuan. Kalau kami tidak berpengetahuan, mengapa komuniti kami mampu hidup sebelum ini di hutan? Mengapa komuniti kami dianggap hebat oleh komuniti lain? Jangan anak tirikan kami dalam perancangan pembangunan komuniti. Pembangunan ini untuk kami, kami yang patut tahu apa yang baik dan perlu untuk kami. Mereka hanya merancang, siapa yang melaksanakan perancangan tersebut? Adakah mereka? Kami tidak muhanya menjadi pemain sahaja tetapi haruslah dilibatkan sebagai satu pasukan untuk menang dalam sesuatu permainan atau pertandingan”.

Pandangan yang sama juga diutarakan oleh Morin (Suri Rumah Tangga, 40 tahun). Beliau mempunyai pandangan ini untuk dinyatakan:

“Hidup saya lebih bermakna jika saya diberikan peluang untuk memperkasakan diri saya dengan beberapa jenis latihan selaras dengan kehendak dan sumber yang ada pada saya sendiri. Mereka harus tahu apa kekuatan komuniti Penan. Jangan pandang rendah terhadap komuniti kami. Jangan hanya pandang pakaian dan kulit gelap kami. Pandang pada kesukarelaan kami untuk menerima perubahan dan pembangunan. Biarlah pembangunan tersebut selari dengan kami. Kami lebih arif tentang perkara yang kami muh. Jika saya dipilih sebagai peserta di dalam program kemiskinan saya ingin diperkasakan. Bukan hanya terlibat sebagai peserta, tetapi idea kami tidak digunakan. Tidak ada gunanya pihak kerajaan menyediakan kursus-kursus latihan untuk saya sekiranya saya tidak dapat mengaplikasikannya dan menggunakan dalam aktiviti pertanian saya. Saya lebih suka berdikari daripada mencari bantuan daripada seseorang. Komuniti kami sangat suka berdikari daripada meminta. Beri kuasa kepada kami dalam setiap dasar atau program pembangunan untuk kami. Jangan anggap komuniti kami, komuniti yang lemah dan tidak berpengetahuan”.

Sementara itu, Lin (Pekerja Buruh, 48 tahun) melihat keperkasaan bukan setakat tahu tentang bahan-bahan yang terkandung dalam bantuan pertanian untuk mereka seperti peralatan, baja, sumber kewangan, sumber pengeluaran seperti tanah dan jentera, tetapi juga dalam bentuk sikap kuasa dan kemahiran berinteraksi dengan orang lain. Hal ini kerana sikap dan kemahiran untuk berinteraksi dengan orang lain adalah satu elemen penting dalam usaha-usaha untuk memulakan perniagaan, mencari rakan niaga dan pembeli serta mengembangkan perniagaan. Bidang ini baru bagi kami. Kami perlu belajar. Seterusnya, menggabungkan pengalaman yang ada pada kami sebelum ini dengan idea baru yang dipelajari. Di samping itu, ia juga digunakan sebagai satu sumber utama untuk bekerja dengan pembeli, terutamanya

pemborong. Perkara ini disuarakan oleh Jampong (Petani, 60 tahun) dalam kenyataanya seperti berikut “walaupun Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) membantu dari segi bantuan teknikal dan khidmat nasihat, namun bantuan yang diberikan sangat terhad dan terbatas. Malah, dalam sesetengah keadaan, harga borong yang ditawarkan oleh FAMA adalah lebih rendah daripada harga yang ditawarkan oleh orang tengah.

Terdapat juga beberapa informan yang membangkitkan aspek modal sosial dalam usaha untuk memperkasakan peserta. Menurut mereka, modal sosial merujuk kepada norma, institusi dan perhubungan sosial yang membentuk kualiti interaksi sosial dalam masyarakat yang kemudiannya membolehkan ahli-ahli komuniti dalam masyarakat untuk belajar bersama dengan satu sama lain. Sebagai contoh, Linda (Petani, 35 tahun) percaya bahawa modal sosial seharusnya meliputi aspek seperti sokongan sosial, perhubungan sosial, kemahiran dan maklumat. Aspek-aspek ini adalah asset yang sangat penting untuk seseorang individu meneruskan dengan yakin apabila berurusan dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, Anna (Pekerja Ladang, 40 tahun) telah mencadangkan bahawa aspek-aspek ini harus di perkukuhkan dan diberi perhatian menyeluruh untuk memastikan yang mereka adalah berupaya untuk meningkatkan pendapatan mereka. Michael (Pekerja ladang, 50 tahun) dalam pendapatnya menambah bahawa aspek pemerkasaan peserta mesti pelbagai dimensi dan tidak terhad kepada satu bentuk sahaja. Ini adalah kerana konsep pemerkasaan merujuk kepada kuasa untuk mendapatkan lebih banyak kawalan dan keupayaan untuk membangunkan strategi kolektif demi meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh itu, majoriti informan menjangkakan konsep tersebut harus dijelaskan secara terperinci dan tidak hanya terhad pada peringkat menghadiri mesyuarat dan melaksanakannya sahaja.

## Perbincangan

Keperluan untuk subjek luar bandar untuk melibatkan diri secara aktif pada pelbagai peringkat, terutamanya pada peringkat perancangan dan peringkat selepas pelaksanaan adalah amat penting memandangkan pendekatan tipikal dari atas ke bawah yang diterima pakai oleh para perancang yang hanya mendapatkan penyertaan pada peringkat pelaksanaan sahaja. Para peserta ingin terlibat di peringkat awal seperti di peringkat perancangan di mana keperluan dan aspirasi mereka, serta pengetahuan tempatan mereka boleh digabungkan ke dalam matlamat dan direalisasikan dalam tindakan program tersebut. Selain itu, dengan melibatkan subjek luar bandar pada peringkat awal, perasaan perkongsian dalam proses membuat keputusan membolehkan kelebihan psikologi dengan memberikan mereka kawalan yang lebih besar terhadap keadaan mereka. Sementara itu, peringkat selepas pelaksanaan juga mewajarkan perhatian yang lebih penyertaan natif dalam penilaian dan pengawasan program agar dapat memastikan bahawa proses penyertaan tidak hanya sebagai satu cara untuk memastikan pembangunan luar bandar tetapi juga sebagai satu matlamat. Melihat penyertaan sebagai satu matlamat di semua peringkat, apabila tercapai, akan mengakibatkan penglibatan jangka panjang oleh semua yang terlibat di dalam proses mencari penyelesaian masalah. Pendekatan ini akan membolehkan penduduk natif untuk bertanggungjawab atau berkuasa ke atas masa depan mereka sendiri dengan kesedaran dan tanggungjawab ke atas tindakan mereka yang mencukupi, ditambah dengan sokongan minima dari badan luar seperti kerajaan negeri atau badan bukan kerajaan (NGOs). Terdapat banyak situasi di dalam konteks luar bandar di mana selain daripada melakukannya sendirian, penyertaan di dalam kumpulan membolehkan semua orang mencapai lebih lagi. Penyertaan oleh natif di dalam program tempatan harus menjadi prinsip teras pembangunan luar bandar berdasarkan masyarakat yang membolehkan masyarakat untuk mempunyai kawalan ke atas sumber, yang memperkuuhkan proses membuat keputusan, meningkatkan penglibatan di dalam pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan am mereka.

Konsep pemerkasaan adalah hasil daripada penyertaan aktif pihak tempatan, tetapi ia juga bergantung kepada sokongan institusi. Modal sosial dan rangkaian dengan institusi tidak formal dan agensi formal membolehkan keupayaan membina yang lebih besar bagi penduduk luar bandar. Subjek-subjek luar bandar ingin melibatkan diri dan dimaklumkan tentang program luar bandar supaya mereka

boleh mencapai keputusan mereka sendiri dan mempunyai kawalan terhadap tindakan mereka sendiri dan pada masa yang sama ingin mendapatkan kemahiran dan latihan berkaitan yang praktikal yang akan membolehkan mereka untuk berdikari. Apabila individu diperkasakan, kepentingan dan aspirasi kumpulan yang berbeza boleh secara sukarela dikumpulkan samada secara tidak formal atau formal untuk merealisasikan matlamat bersama atau mencari penyelesaian dalam konteks luar bandar.

## Kesimpulan

Aspek pemerkasaan adalah penunjuk utama yang perlu ditangani oleh pembuat dasar apabila merangka pelan baru yang komprehensif untuk menangani pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar. Hal ini adalah untuk memastikan konsep kualiti hidup tersebut mencerminkan satu perwakilan yang lebih holistik bagi keperluan dan aspirasi masyarakat tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa maksud penyertaan dan keperkasaan dalam pembangunan masyarakat natif adalah sangat penting untuk menentukan kualiti hidup masyarakat natif. Ini adalah kerana maksud atau makna penyertaan dan keperkasaan adalah merupakan aspek utama yang mewakili perasaan natif dalam meningkatkan kehidupan mereka dengan kesan minima ke atas struktur sosial sedia ada. Pemahaman ini akan membolehkan satu pandangan bawah ke atas digabungkan sebagai sebahagian daripada wacana arus perdana pembangunan. Maka, satu definisi semula wacana arus perdana akan mempunyai kesan pemboleh/pemungkin yang lebih besar terhadap masyarakat di pinggiran. Kajian akan datang harus menangani impak pengetahuan tempatan, keperluan khusus tempatan dan dan kebebasan dalam keberkesanan program pembangunan untuk komuniti natif.

## Penghargaan

Kajian ini telah disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Geran FRGS FRGS/1/2011/SS/UKM/03/4 yang telah membolehkan kajian ini dijalankan dengan lancar dan jayanya.

## Rujukan

- Ahmed F, C Siwar, NAH Idris (2011) Contribution of rural women to family income through participation in microcredit: An empirical analysis. *Am. J. Applied Sci.* **8**, 238-245. DOI:10.3844/ajassp.2011.238.245.
- Chegini MG (2010) Study of relation of psychological factors of empowerment and entrepreneurship. *Am. J. Econ. Bus. Administrat.* **2**, 86-89. DOI:10.3844/ajebasp.2010.86.89.
- D'Silva JL, Shaffril HAM, Uli J, Samah BA (2010) Acceptance and sustainability of contract farming among youth in Malaysia. *Am. J. Agri.Bio. Sci.* **5**, 350-356. DOI:10.3844/ajabssp.2010.350.356.
- Dicks B, K Pahl (2011) Multimodality and ethnography: Working at the intersection *Qualitative Res.* **11**, 227-37. DOI:10.1177/1468794111400682.
- Firouzjaie AA, Sadighi H, Mohammadi MA (2007) The influence of social capital on adoption of rural development programs by farmers in the caspian sea region of Iran. *Am. J. Agric. Bio. Sci.* **2**, 15-22. DOI: 10.3844/ajabssp.2007.15.22.
- Harvey WS (2011) Strategies for conducting elite interviews. *Qualitative Res.* **11**, 431-441. DOI:10.1177/1468794111404329.
- Hoque M, Itohara Y (2009) Women empowerment through participation in micro-credit programme: A case study from Bangladesh. *J. Soc. Sci.* **5**, 244-250. DOI: 10.3844/jssp.2009.244.250.
- Iphofen R (2011) Ethical decision making in qualitative research. *Qualitative Res.* **11**, 443-446. DOI: 10.1177/1468794111404330.

- Lavers T (2008) Reconciling the needs and wants of respondents in two rural Ethiopian communities. *Soc. Indicators Res.* **86**, 129-147. DOI: 10.1007/s11205-007-9110-x
- Mok TY, Gan C, Sanyal A (2007) The determinants of urban household poverty in Malaysia. *J. Soc. Sci.* **3**, 190-196. DOI:10.3844/jssp.2007.190.196
- Novel L, Selvadurai S, Er AC, Fuad MJM, Zaidah M *et al.* (2011) Intangible factors influencing gender differences in educational attainment using an abductive research strategy. *World Applied Sci. J.* **13**, 46-52.
- Panahi F, Malekmohammadi I (2010) Lisrel analysis of factors for empowering producers to abolish livelihood poverty through optimizing agricultural water resources management. *Am. J. Applied Sci.* **5**, 7-14. DOI:10.3844/ajabssp.2010.7.14
- Pejabat Daerah Belaga, Sarawak (2011) Available from: <http://www.belagado.sarawak.gov.my>.
- Pejabat Residen Miri, Sarawak (2008) Available from: <http://www.residenmiri.sarawak.gov.my>.
- Pustaka Negeri Sarawak (2009) Available from: <http://www.pustaka-sarawak.com>.
- Rahman HM, Naoroze K (2007) Women empowerment through participation in aquaculture: Experience of a large-scale technology demonstration project in Bangladesh. *J. Soc. Sci.* **3**, 164-171. DOI: 10.3844/jssp.2007.164.171.
- Rashidpour L, Hosseini SJF, Chizari M, Mirdamadi SM (2010) The pattern of local community based management for sustainable rural development in west azarbaijan province. *Am. J. Agri. Bio. Sci.* **2**, 84-88. DOI: 10.3844/ajabssp.2010.84.88.
- Samah BAS, Shaffril HAM, Hassan MA, JLD'Silva (2011) Can technology acceptance model be applied on the rural setting: The case of village development and security committee in Malaysia. *J.Soc. Sci.* **7**, 113-119. DOI:10.3844/jssp.2011.113.119
- Sercombe Peter, Bernard Sellato (eds) (2007) *Beyond the green myth: Hunter-gatherers of Borneo in the Twenty-First Century*. NIAS Press, Denmark.
- Sercombe PG (2008) Small worlds: The language ecology of the Penan in Borneo. In: Creese A, Martin P, Hornberger (eds) *Encylopedia of Language and Education*, Vol. 9. *Ecology of Language*, pp.183-192. Springer Science and Business Media LLC.
- Simvised P, Chantachon S, Rittidech S (2008) A study of models of life quality development of Isan marginal communities as affected by installation of the solar home system. *J. Soc. Sci.* **4**, 272-274. DOI: 10.3844/jssp.2008.272-274.
- Theodoropoulou H, Kaldis P (2008) Changes in rural areas and regional development. *J. Soc. Sci.* **4**, 275-279. DOI: 10.3844/jssp.2008.275-279.
- Unit Perancang Ekonomi, Sarawak (2010) Penan Special Development Programme.